



## **YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR (GRED N29)**
2. Bilangan kekosongan : Satu
3. Taraf Jawatan : Kontrak
4. Gaji Ditawarkan :
  - Gaji Pokok : RM1,493.00
  - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
  - Elaun Sara Hidup : RM350.00
  - Elaun ITKA : RM160.00
5. Syarat Lantikan :
  - Diploma dalam bidang seni kreatif, seni reka grafik, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Berpengalaman dalam bidang fotografi dan videografi adalah satu kelebihan;
  - Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut. Berpengalaman

dalam bidang fotografi dan videografi adalah satu kelebihan;

- lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. Berpengalaman dalam bidang fotografi dan videografi adalah satu kelebihan;
- mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti;
- Berkemahiran dalam menggunakan perisian Adobe Suite (Premiere Pro, Illustrator & Photoshop), Microsoft office suite (Word & Powerpoint) dan Google suite (Google Docs, Google Meet); dan
- Berkemahiran dalam menggunakan platform media sosial terkini.

6. Diskripsi tugas :
- Membantu menyelaras kandungan media di Instagram dan TikTok YWM khususnya dalam penghasilan video / *story* / *reels*;
  - Merancang dan merangka kandungan media yang sesuai mengikut *trend*, topik semasa yang bersesuaian dengan memastikan kandungan dan respons yang menarik;
  - Mengendalikan akaun media sosial YWM dan meningkatkan jumlah pengikut;
  - Menghasilkan *content* mengenai produk / kempen YWM serta aktiviti yang dilakukan setiap hari;
  - Merancang dan melaksanakan idea pemasaran kreatif untuk meningkatkan *Brand Awareness*;
  - Membantu menyediakan video gimik bagi pelancaran produk baharu YWM dan program tahunan YWM;
  - Menguruskan pengiklanan di media sosial YWM;

- Membantu menyelaras dan menyediakan bahan bertulis yang melibatkan program, kempen dan majlis YWM mengikut jenis media sosial YWM;
- Menghasilkan idea-idea baru serta strategi pemasaran secara konsisten yang bersesuaian untuk kerja pemasaran melibatkan kesemua produk YWM;
- Menyediakan laporan mingguan (data pemasaran, *cost*, idea baru);
- Memastikan SKT individu mencapai sasaran yang ditetapkan; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:  
**Bahagian Pengurusan**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**Aras 8, Blok D**  
**Kompleks Islam Putrajaya**  
**Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3**  
**62100 Putrajaya.**
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **12 Februari 2024 (Isnin)**.

## **CATATAN AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

## **PENAFIAN**

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.